



LEMBAGA SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR, SARAWAK (NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENT BOARD, SARAWAK)

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh iklan ditutup bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

- 1 (a) Jawatan : **PEMBANTU PENGUATKUASA**
4 Kekosongan – (2 Kuching, 1 Miri dan 1 Bintulu)
 - (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
 - (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam
2. Jadual Gaji : Gred KP19

Minimum	Maksimum
RM1,360.00	RM4,502.00
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00) :

atau
 - (ii) Bekas anggota Polis Di Raja Malaysia atau Angkatan Tentera Malaysia yang berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 :RM1,360.00) ;

Atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf oleh kerajaan. Serta Sijil Kemahiran Malaysia tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 :RM1,416.40) :

atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.(Gaji permulaan ialah pada gred KP19 :RM1472.80).

Dan (b) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut :

(i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu ;

(ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48 kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita

(iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

(iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

:

(v) Lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

:

(vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

:

(vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

4. Syarat kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan dengan kelayakan 3(a)(i), 3(a)(iii) atau (3)(a)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5 Taraf Jawatan

Jawatan Berasaskan Caruman

6. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Penguatkuasa adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas Menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan berkaitan alam sekitar
8. Cara-cara Memohon
- (a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonanan NREB/PJK/F2015 dalam satu salinan yang boleh didapati di semua pejabat Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar di seluruh Sarawak seperti berikut:
- | | |
|--------------------------------------|--------------------------------------|
| i) Ibupejabat -Tel: 082-319500 | v) Pejabat Mukah - Tel: 084-873485 |
| ii) Pejabat Kuching -Tel: 082-365972 | vi) Pejabat Bintulu -Tel: 086-334448 |
| iii) Pejabat Betong -Tel.:083-471901 | vii) Pejabat Miri -Tel: 085-437488 |
| iv) Pejabat Sibu -Tel: 084-337428 | viii)Pejabat Limbang-Tel: 085-216488 |
- (b) Borang permohonan yang telah sempurna diisi berserta dengan salinan sijil-sijil persekolahan yang telah disahkan serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan dan satu keping gambar berukuran pasport hendaklah dihantar sebelum atau pada **11 November 2016** ke alamat seperti berikut:
- Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar, Sarawak**
Tingkat 18-20, Menara Pelita
Petra Jaya 93050 Kuching
Sarawak
- (c) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Jabatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah membawa Surat Pengesahan daripada Ketua Jabatan semasa menghadiri temuduga nanti.

9. Perhatian

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Sekiranya anda tidak menerima sebarang maklumbalas selepas tempoh tiga bulan dari tarikh tutup permohonan maka permohonan anda adalah tidak berjaya.